

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

ZSE 370/2 - Meteorologi II

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.

Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Jelaskan prinsip-prinsip pembentukan hujan tiruan dan senaraikan agen-agen utama yang digunakan. Juga bincangkan teknik-teknik untuk menilai keputusannya.  
(100 markah)
2. (a) Bincangkan bagaimana keadaan meteorologi dan jenis (konfigurasi) sumber pencemaran mempengaruhi keupayaan pencemaran udara bagi sesuatu tempat.  
(80 markah)  
(b) Suatu pencemaran udara teruk yang berlaku baru-baru ini disebabkan oleh kebocoran gas beracun (toxic) di kilang "Union Carbide" di bandar Bhopal (India). Kemalangan ini menyebabkan beribu-ribu orang mati dan lebih daripada 100,000 orang tercedera. Terangkan tentang keadaan meteorologi yang mungkin wujud pada masa itu yang menghasilkan bencana tersebut.  
(20 markah)
3. Dengan ringkas bincangkan berbagai-bagai pembetulan yang dikehendaki untuk menurunkan tekanan daripada suatu barometer "Fortin's" kepada keadaan piawai dan penurunan tekanan kepada paras piawai.  
(100 markah)

...2/-

4. Bincangkan taburan-taburan cas (charge) di dalam awan-awan guruh dan mekanisma-mekanisma penjanaannya. Juga bincang aspek-aspek fizik bagi petir.

(100 markah)

- 0000000 -